

JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT

LAPORAN TAHUNAN 2019

MAJLIS KEBANGSAAN BAGI ORANG KURANG UPAYA
JABATAN PEMBANGUNAN ORANG KURANG UPAYA
JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT





JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT

2019

MAJLIS KEBANGSAAN BAGI ORANG KURANG UPAYA
JABATAN PEMBANGUNAN ORANG KURANG UPAYA
JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT

Sekretariat Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya
Jabatan Pembangunan Orang Kurang Upaya
Jabatan Kebajikan Masyarakat
T 03-80008000 F 03-83232063

SENARAI KANDUNGAN

- 1** **1.0** MAJLIS KEBANGSAAN
 BAGI ORANG KURANG UPAYA

- 5** **2.0** KEANGGOTAAN MAJLIS
 KEBANGSAAN BAGI ORANG KURANG
 UPAYA

- 11** **3.0** JAWATANKUASA MAJLIS KEBANGSAAN
 BAGI ORANG KURANG UPAYA
 (MKBOKU) 2019

13 **4.0** LAPORAN AKTIVITI JAWATANKUASA
MAJLIS KEBANGSAAN BAGI ORANG
KURANG UPAYA 2019

14 4.1 JAWATANKUASA PENGANGKUTAN

25 4.2 JAWATANKUASA *QUALITY LIFE CARE*

31 4.3 JAWATANKUASA PEKERJAAN

35 4.4 JAWATANKUASA REKA BENTUK SEJAGAT
DAN ALAM BINA

45 4.5 JAWATANKUASA PENDIDIKAN

49 4.6 JAWATANKUASA PENDAFTARAN
ORANG KURANG UPAYA

59 **5.0** SEKRETARIAT MAJLIS KEBANGSAAN
BAGI ORANG KURANG UPAYA
(MKBOKU) 2019



The background is a watercolor-style illustration. It features silhouettes of two people in wheelchairs, one in the foreground and one slightly behind. The colors are soft and blended, including shades of purple, blue, green, and yellow. The overall mood is positive and inclusive.

1.0 MAJLIS KEBANGSAAN BAGI ORANG KURANG UPAYA


1.0 MAJLIS KEBANGSAAN BAGI ORANG KURANG UPAYA

1.1 LATAR BELAKANG


Penubuhan Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya dilaksanakan di bawah Seksyen 3(1), Akta Orang Kurang Upaya 2008 (Akta 685). Pelancarannya telah dilakukan oleh YB. Dato' Sri Dr. Ng Yen Yen selaku Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat pada Ogos 2008. Matlamat penubuhan Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya adalah selaras dengan Dasar Orang Kurang Upaya dan Pelan Tindakan Orang Kurang Upaya 2016 -2022 iaitu ke arah pembangunan dan penggalakan penyertaan penuh Orang Kurang Upaya dalam masyarakat. Untuk mencapai matlamat ini, satu usaha kolektif telah dibuat oleh Majlis dengan menggunakan pendekatan secara multi sektoral; dan perkongsian bijak dengan agensi berkaitan yang lain.

1.2 FUNGSI DAN PERANAN MAJLIS SEBAGAIMANA SEKSYEN 9(1), AKTA OKU 2008

- a. Untuk menyelia pelaksanaan dasar negara dan pelan tindakan negara yang berhubungan dengan orang kurang upaya;
- b. Untuk membuat syor kepada Kerajaan mengenai semua aspek orang kurang upaya termasuk perkara-perkara yang berhubungan dengan sokongan, penjagaan, perlindungan, rehabilitasi, pembangunan dan kesejahteraan orang kurang upaya;
- c. Untuk menyelaras dan memantau pelaksanaan dasar negara dan pelan tindakan negara yang berhubungan dengan orang kurang upaya dengan kementerian, agensi, badan atau pertubuhan kerajaan dan sektor swasta yang berkaitan;
- d. Untuk memantau dan menilai kesan dasar, program dan aktiviti yang dirancang untuk mencapai penyertaan penuh dan berkesan orang kurang upaya dan dalam berbuat demikian boleh membuat apa-apa perkiraan dengan kementerian, agensi, badan atau pertubuhan kerajaan dan sektor swasta yang berkaitan sebagaimana yang difikirkan perlu;
- e. Untuk mengkaji semula aktiviti semua kementerian, agensi, badan atau pertubuhan kerajaan dan sektor swasta yang terlibat dalam pelaksanaan dasar negara dan pelan tindakan negara yang berhubungan dengan orang kurang upaya;
- f. Untuk mengesyorkan kepada Kerajaan perubahan kepada undang-undang sedia ada dan juga untuk mencadangkan undang-undang baru bagi menjamin penyertaan penuh dan berkesan orang kurang upaya dalam masyarakat, termasuk untuk memudahkan kebolehaksesan;
- g. Untuk membangunkan program dan strategi yang bertujuan untuk mendidik masyarakat dan untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan masyarakat, termasuk pada peringkat keluarga, berhubung dengan orang kurang upaya termasuk keupayaan dan sumbangan mereka bagi menggalakkan tanggapan positif dan kesedaran sosial yang tinggi serta memupuk rasa hormat kepada hak dan maruah orang kurang upaya;
- h. Untuk menerima pakai langkah yang berkesan dan sesuai bagi menggalakkan pengiktirafan kemahiran, merit dan kebolehan orang kurang upaya, dan sumbangan mereka di tempat kerja dan pasaran buruh;

- 
- i. Untuk memupuk sikap menghormati hak orang kurang upaya pada semua peringkat sistem pendidikan, termasuk pada peringkat awal kanak-kanak;
 - j. Untuk menasihati Kerajaan mengenai isu ketidakupayaan termasuk perkembangan di peringkat antarabangsa;
 - k. Untuk mengumpul semak data dan maklumat, dan menjalankan serta menggalakkan penyelidikan yang berhubungan dengan orang kurang upaya;
 - l. Untuk menggalakkan pembangunan latihan awal dan berterusan bagi golongan profesional dan kakitangan yang bekerja dalam perkhidmatan habilitasi dan rehabilitasi;
 - m. Untuk menggalakkan peluang pekerjaan dan peningkatan kerjaya bagi orang kurang upaya dalam pasaran buruh, dan juga bantuan dalam mencari atau mendapatkan pekerjaan atas asas keserataan dengan orang upaya; dan
 - n. Untuk melaksanakan apa-apa fungsi lain sebagaimana yang diarahkan oleh Menteri bagi pelaksanaan sewajarnya Akta ini.



The background is a soft watercolor wash in shades of purple, blue, and pink. Overlaid on this are faint, semi-transparent silhouettes of people in wheelchairs, suggesting a focus on disability and accessibility. The text is positioned on the left side of the page.

2.0 KEANGGOTAAN MAJLIS KEBANGSAAN BAGI ORANG KURANG UPAYA (MKBOKU)

2.0 KEANGGOTAAN MAJLIS KEBANGSAAN BAGI ORANG KURANG UPAYA

2.1 KEANGGOTAAN MAJLIS KEBANGSAAN BAGI ORANG KURANG UPAYA

Berdasarkan Seksyen 3 (2), Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya hendaklah terdiri daripada anggota berikut :

- a. Menteri yang hendaklah menjadi Pengerusi;
- b. Ketua Setiausaha Kementerian yang bertanggungjawab bagi kebajikan masyarakat yang hendaklah menjadi Timbalan Pengerusi;
- c. Peguam Negara Malaysia atau wakilnya;
- d. Ketua Setiausaha Kementerian yang bertanggungjawab bagi kewangan;
- e. Ketua Setiausaha Kementerian yang bertanggungjawab bagi pengangkutan;
- f. Ketua Setiausaha Kementerian yang bertanggungjawab bagi sumber manusia;
- g. Ketua Pengarah Pendidikan;
- h. Ketua Pengarah Kesihatan;
- i. Pengerusi Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan; dan
- j. Tidak lebih daripada sepuluh orang yang mempunyai pengalaman, pengetahuan dan kepakaran yang sesuai dalam permasalahan dan isu yang berhubungan dengan orang kurang upaya yang hendaklah dilantik oleh Menteri

2.2 ANGGOTA MAJLIS KEBANGSAAN BAGI ORANG KURANG UPAYA SESI 2019



PENGERUSI

YAB Dato' Seri Dr. Wan Azizah binti Dr. Wan Ismail

Timbalan Perdana Menteri merangkap
Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat



TIMBALAN PENGERUSI

YBrs. Datuk Dr. Rose Lena binti Lazemi
(sehingga Julai 2019)

Ketua Setiausaha
Kementerian Pembangunan Wanita,
Keluarga dan Masyarakat



TIMBALAN PENGERUSI

YBhg. Dato' Junaidah binti Kamarruddin
(mulai Julai 2019)


Ketua Setiausaha
Kementerian Pembangunan Wanita,
Keluarga dan Masyarakat



SETIAUSAHA

YBrs. Tuan Zulkifli bin Ismail

Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat

KEANGGOTAAN DARIPADA KEMENTERIAN/ AGENSI

YBhg. Tan Sri Tommy Thomas
Peguam Negara



YBhg. Tan Sri Ahmad Badri bin Mohd Zahir
Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Kementerian Kewangan



**YBhg. Datuk Mohd Khairul Adib
Bin Abd Rahman**
Ketua Setiausaha
Kementerian Pengangkutan



YBhg. Dato' Amir bin Omar
Ketua Setiausaha
Kementerian Sumber Manusia



YBhg. Datuk Dr Amin Senin
Ketua Setiausaha
Ketua Pengarah Pelajaran



**YBhg. Datuk Dr. Noor Hisham
bin Abdullah**
Ketua Setiausaha
Ketua Pengarah Kesihatan

ANGGOTA INDIVIDU



YBrs. Dr. Sulaiman bin Abdul Mutalib
Pengarah Pusat
Pusat Kesihatan dan Pemulihan Taman
WQ 2010 - sekarang



Encik Choo Siew Cheong
Pengarah Eksekutif
National Council For The Blind
(NCBM)



YBrs. Dr. Hajah Ruziah binti Ghazali
Penasihat
Pertubuhan Kebangsaan Orang Kerdil
Malaysia (PKOKM)



Encik Murugeswaran Veerasamy
Presiden
Persatuan Damai
Orang Kurang Upaya Malaysia



Puan Feilina SY binti Muhammad Feisol
Pengerusi
The National Autism Society Of Malaysia
(NASOM)



YBrs. Dr. Uma Visvalingam
Pakar Perubatan Psikiatri
Hospital Putrajaya



YBhg. Datin Fauziah binti Mohd Ramly
Aktivis Masyarakat Bagi Kumpulan Sasar
(OKU, Warga Emas Dan Kanak-Kanak)



Puan Eamienor Zakiah Md Zuki
Setiausaha Agung
Persekutuan Orang Pekak Malaysia



Encik Hee Qui Shing
Setiausaha Kehormat
*East Asia & Pacific Regional Council
Of Cheshire Homes*
(Wakil OKU Negeri Sabah)



Encik Francis Johen
Penasihat
Pertubuhan Orang Cacat Sarawak
(POCS)
(Wakil OKU Negeri Sarawak)



3.0 JAWATANKUASA MAJLIS KEBANGSAAN BAGI ORANG KURANG UPAYA

19

JAWATANKUASA MAJLIS KEBANGSAAN BAGI ORANG KURANG UPAYA

3.0 JAWATANKUASA MAJLIS KEBANGSAAN BAGI ORANG KURANG UPAYA

3.1 JAWATANKUASA YANG DITUBUHKAN DI BAWAH MAJLIS KEBANGSAAN BAGI ORANG KURANG UPAYA

Untuk membantu Majlis melaksanakan fungsi dan peranannya, sebanyak enam Jawatankuasa telah ditubuhkan. Penubuhan Jawatankuasa ini telah dibuat pada mesyuarat kali pertama yang telah diadakan pada 14 Ogos 2008.

Jawatankuasa-Jawatankuasa tersebut adalah seperti berikut:

a. Jawatankuasa Pengangkutan

Dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan. Jawatankuasa ini akan memberi tumpuan kepada isu-isu aksesibiliti yang berkaitan dengan pengangkutan seperti bas, keretapi, feri dan juga kapal terbang. Selain daripada itu, Jawatankuasa ini juga bertanggungjawab untuk memastikan stesen pengangkutan awam di negara ini menyediakan kemudahan mesra OKU di setiap stesen mereka.

b. Jawatankuasa *Quality Life Care*

Dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Kesihatan. Jawatankuasa ini akan memberi tumpuan kepada isu yang berkaitan penjagaan kesihatan, rawatan, rehabilitasi, habilitasi, pengesanan dan intervensi awal kepada OKU.

c. Jawatankuasa Pekerjaan

Dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia. Jawatankuasa ini akan memberi tumpuan khusus kepada isu yang berkaitan pekerjaan kepada OKU.

d. Jawatankuasa Reka Bentuk Sejagat dan Alam Bina


Dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Jawatankuasa ini akan memberi tumpuan kepada isu-isu aksesibiliti bangunan, ruang awam dan penggunaan peralatan atau kemudahan yang berkonsepkan 'universal design' dalam setiap reka bentuk yang mana peralatan ini boleh digunakan oleh semua golongan masyarakat termasuklah OKU, warga emas, kanak-kanak dan ibu mengandung.

e. Jawatankuasa Pendidikan

Dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia. Jawatankuasa ini akan memberi tumpuan kepada isu pendidikan kepada OKU, termasuklah penyediaan prasarana yang mesra OKU di sekolah-sekolah.

f. Jawatankuasa Pendaftaran Orang Kurang Upaya

Dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Jawatankuasa ini akan memberi tumpuan kepada isu yang berkaitan pengeluaran kad OKU, pendaftaran OKU, promosi dan penggalakan pendaftaran OKU.



4.0 LAPORAN AKTIVITI JAWATANKUASA MAJLIS KEBANGSAAN BAGI ORANG KURANG UPAYA (MKBOKU)

4.1 JAWATANKUASA PENGANGKUTAN MAJLIS KEBANGSAAN BAGI ORANG KURANG UPAYA (MKBOKU)

4.1 JAWATANKUASA PENGANGKUTAN MAJLIS KEBANGSAAN BAGI ORANG KURANG UPAYA (MKBOKU)

4.1.1 Pelaksanaan Mesyuarat

- Bil. 1/2019 pada 8 Mei 2019; dan
- Bil. 2/2019 pada 27 Ogos 2019.

Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh YBrs. Tuan Syed Nasir Syed Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), Kementerian Pengangkutan merangkap Timbalan Pengerusi bagi Jawatankuasa Pengangkutan di bawah Majlis Kebangsaan bagi Orang Kurang Upaya (MKBOKU). Keanggotaan Jawatankuasa ini terdiri daripada agensi-agensi yang bertanggungjawab dalam sistem pengangkutan awam negara dan NGO berkaitan OKU.

4.1.2 Pelaksanaan Aktiviti atau Program Sepanjang Tahun 2019

1. Siri Audit Aksesibiliti Perkhidmatan Pengangkutan Awam

a. Kuala Lumpur International Airport 2 (KLIA 2) (30 April 2019)

KLIA 2 merupakan antara contoh amalan terbaik bagi hub perkhidmatan awam yang menyediakan fasiliti dan perkhidmatan mesra OKU.

Hasil audit yang wajar dicontohi adalah penunjuk arah (wayfinding) yang cukup dan sesuai untuk difahami oleh OKU, selain menyediakan pasukan pengendali OKU sekiranya terdapat OKU yang memerlukan bantuan.

Namun beberapa syor penambahbaikan turut diberikan seperti penyediaan satu pintu masuk khas untuk OKU bagi menyediakan perkhidmatan bertumpu yang akan memudahkan pengendalian golongan tersebut.



b. Electric Train Service (ETS) (19 Jun 2019)

Perkhidmatan ETS merupakan perkhidmatan rel elektrik antara negeri yang menghubungkan antara Kuala Lumpur hingga ke Padang Besar, Perlis dengan jarak 755 km.

Pihak Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) telah menyediakan beberapa kemudahan kepada golongan OKU antaranya tempat duduk kerusi roda, ramp mudah alih khas untuk memudahkan pergerakan masuk pengguna berkerusi roda dan juga pelayan yang akan membantu golongan tersebut ketika memerlukan, semasa dalam perjalanan.

Namun begitu terdapat beberapa perkara yang perlu ditambah baik iaitu:

- Pintu tandas yang terlalu berat;
- Tempat mengambil wuduk yang sukar digunakan oleh golongan OKU; dan
- Pengasingan tandas kepada golongan OKU sahaja.



c. Terminal Bersepadu Penang (19 Jun 2020)

Terminal ini merupakan terminal bas Rapid yang terletak di *Georgetown* bersebelahan dengan terminal Feri Pulau Pinang.

Berdasarkan audit yang telah dilakukan, perkara yang perlu ditambah baik di stesen itu adalah laluan penghubung penjalan kaki dari stesen bas ke terminal feri.



d. Terminal Feri Pulau Pinang (20 Jun 2019)

Perkhidmatan feri yang menghubungkan Pulau Pinang dengan Seberang Perai telah diambil alih oleh Rapid pada tahun 2018. Terdapat banyak isu yang akan menyukarkan golongan OKU terutama OKU yang menggunakan kerusi roda dan OKU Penglihatan. Terminal feri berkenaan tidak mempunyai *tactile* yang boleh memberi panduan kepada OKU penglihatan. *Ramp* yang ada untuk naik ke terminal berkenaan terlalu tinggi dan condong yang pasti akan menyukarkan pengguna berkerusi roda untuk pergi ke terminal berkenaan walaupun dengan bantuan pembantu.

Selain itu, ahli audit mencadangkan pihak Rapid untuk menyediakan satu *drop off bay* bersebelahan dengan terminal tersebut bagi memudahkan dan memberi lebih keselesaan kepada golongan tersebut terutama sekali ketika waktu hujan.



e. Lapangan Terbang Miri (15 – 16 Julai 2019)



Lapangan terbang Miri merupakan pintu masuk utama ke negeri Sarawak. Lapangan terbang ini merupakan lapangan terbang yang ke-6 paling sibuk di Malaysia dikendalikan oleh Malaysia Airports Berhad (MAHB). Namun begitu, pihak pengurusan lapangan terbang ini tidak menyediakan kemudahan kepada golongan OKU.

Antara isu yang dikenalpasti ketika audit dilakukan adalah seperti berikut:

- *Wayfinding* yang kurang dan tidak jelas;
- Tempat letak kenderaan OKU yang sangat jauh daripada pintu masuk;
- Tiada jalan penghubung di antara tempat parking OKU dengan terminal;
- Terdapat curb yang tinggi yang akan menyukarkan pengguna berkerusi roda untuk bergerak di antara tempat letak kereta menuju ke terminal;
- Tiada *tactile* untuk kegunaan OKU penglihatan; dan
- Pihak MAHB perlu menyediakan pembantu untuk membantu golongan OKU yang mungkin memerlukan bantuan ketika berada di dalam terminal.



f. Terminal Bas Melaka Sentral (3 September 2019)

Terminal Bas Melaka Sentral merupakan terminal yang terbesar di Melaka. Terminal bas ini terletak di antara Jalan Tun Razak dan Jalan Panglima Awang.

Berdasarkan audit yang telah dijalankan, beberapa penambahbaikan telah dibuat oleh pihak pengurusan Melaka Sentral antaranya:

- Menyediakan kaunter tiket khas buat OKU dan dikendalikan sendiri oleh golongan OKU;
- Menyediakan laluan masuk ke bas yang luas dan selesa untuk digunakan oleh pengguna berkerusi roda; dan
- Menyediakan tactile untuk kemudahan pengguna OKU penglihatan.

Namun begitu, beberapa penambahbaikan perlu dilakukan iaitu:

- Menukar lokasi parkir OKU berhampiran dengan pintu masuk utama;
- Menyediakan laluan penghubung di antara tempat letak kereta ke terminal;
- Menambahbaik *wayfinding* di dalam terminal; dan
- Menambah *tactile* di beberapa kawasan yang tidak terputus hubungan.

Penemuan:

- Menyediakan kaunter tiket khas buat golongan OKU;
- Kedudukan tempat *drop-off* yang tidak strategik;
- Parkir OKU tidak mengikut spesifikasi MS1184;
- Kiosk maklumat yang disediakan mesra pengguna kecuali kepada OKU kelihatan; dan
- Tiada laluan penghubung di antara tempat letak kenderaan dengan terminal.



g. Stesen Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) Seremban (10 September 2020)

Stesen KTMB Seremban mula beroperasi seawal tahun 1910 dan telah diubahsuai pada tahun 1995. KTMB telah mengambil alih tanggungjawab pengurusan stesen ini pada tahun 1948. Stesen ini merupakan stesen Terminal Selatan Jajaran Rawang – Seremban dan telah disambung ke Sungai Gadut pada Mei 2011.

Berdasarkan audit yang telah dilakukan, Stesen KTMB Seremban boleh diakses oleh semua golongan OKU. Namun begitu masih terdapat penambahbaikan yang perlu dilakukan seperti berikut:



- Tambahan papan tanda dari jalan utama menuju ke *drop-off* untuk OKU di pintu pelepasan;
- Penambahbaikan kepada tempat *drop-off* OKU agar mengikut spesifikasi MS1184;
- Kemudahan *ramp* di ruang ketibaan. Pengurusan terminal perlu memberi perkhidmatan sokongan untuk OKU berbentuk bantuan one to one kepada OKU berkerusi roda;
- Ruang pengambilan penumpang di terminal teksi; dan
- Kaunter tiket OKU perlu diaktifkan.

h. Bengkel Penyediaan Kod Amalan Pengendalian OKU

i. Sektor Udara:

- 28 dan 29 Mei 2019
- Membincangkan penyediaan kod amalan bagi sektor perkhidmatan udara.
- Perbincangan melibatkan pengendalian OKU bermula pembelian tiket secara dalam talian/kaunter sehingga pelepasan penumpang apabila tiba di destinasi.
- Melibatkan pelbagai agensi dan pihak berkepentingan seperti berikut:
 - a. Kementerian Pengangkutan;
 - b. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat;
 - c. Jabatan Pembangunan Orang Kurang Upaya;
 - d. Jabatan Kastam diRaja Malaysia;
 - e. Jabatan Imigresen Malaysia;
 - f. Malaysia Airport Holding Berhad;
 - g. Perkhidmatan Terminal Lapangan Terbang Senai Sdn. Bhd.;
 - h. Malaysia Airline Berhad;
 - i. Firefly;
 - j. MASWings;
 - k. AirAsia; dan
 - l. Malindo



ii. Sektor Rel:

- 24 dan 25 Julai 2019.
- Membincangkan penyediaan kod amalan bagi sektor perkhidmatan rel.
- Perbincangan melibatkan pengendalian OKU bermula pembelian tiket secara dalam talian dan kaunter sehingga pelepasan penumpang apabila tiba di destinasi.
- Melibatkan pelbagai agensi dan pihak berkepentingan seperti berikut:
 - a. Kementerian Pengangkutan;
 - b. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat;
 - c. Jabatan Pembangunan Orang Kurang Upaya;
 - d. Agensi Pengangkutan Awam Darat;
 - e. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur;
 - f. Iskandar Rational Development Authority (IRDA);
 - g. Terminal Bersepadu Selatan;
 - h. Prasarana; dan
 - i. KTMB.



iii. Seminar *Barrier Free in Transportation*

Seminar *Barrier Free in Transportation* yang dihadiri oleh 100 orang peserta ini telah diadakan pada 3 Oktober 2019 di Putrajaya Convention Centre (PICC).

Objektif seminar ini adalah seperti berikut:


- Memahami punca dan situasi yang menjadi penyebab timbulnya isu ketidakupayaan seperti halangan fizikal, pengasingan sosial, halangan penyertaan diskriminasi dan persepsi;
- Memberi kefahaman kepada agensi pelaksana dan pihak berkepentingan berkenaan halangan-halangan serta kesukaran yang dihadapi oleh OKU; dan
- Memupuk kesedaran kepada agensi pelaksana dan pihak berkepentingan ketika merancang dan melaksanakan inisiatif pengangkutan awam agar tidak mengabaikan kepentingan.



Berikut adalah butiran ceramah sepanjang seminar tersebut:

Bil.	Penceramah	Organisasi	Tajuk Ceramah
1.	Encik Mohamad Sazali Shaari	Pengurusan, Terminal Bersepadu Selatan	Amalan Terbaik daripada TBS
2.	Encik Jamali Soaidin	Timbalan Ketua, <i>Corporate Safety, Health & Environment</i>	Amalan Terbaik daripada Prasarana Malaysia Bhd.
3.	Puan Dalilah Bee Abdullah	Timbalan Pengarah, Jabatan Pelaksanaan Projek dan Penyelenggaraan Bangunan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur	Hasil Audit Aksesibiliti Pengangkutan Awam
4.	Puan Ar. Mumtazah	Arkitek, Pertubuhan Arkitek Malaysia (PAM)	Amalan Terbaik melalui Reka Bentuk Sejagat di kalangan Arkitek
5.	Encik Pathmanathan A/L Nalassamy	Ketua Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pembangunan Orang Kurang Upaya	Forum : Cabaran yang dihadapi oleh OKU dalam Pengangkutan Awam
6.	Cik Siti Huraizah	Eksekutif Kanan, Persatuan Orang Buta	Forum : Cabaran yang dihadapi oleh OKU dalam Pengangkutan Awam
7.	Encik Murugeswaran	Pengerusi, Persatuan Damai Orang Kurang Upaya Malaysia	Forum : Cabaran yang dihadapi oleh OKU dalam Pengangkutan Awam
8.	YM Tengku Arman Haris	Presiden, Persatuan Orang Pekak Malaysia	Forum : Cabaran yang dihadapi oleh OKU dalam Pengangkutan Awam





4.0 LAPORAN AKTIVITI JAWATANKUASA MAJLIS KEBANGSAAN BAGI ORANG KURANG UPAYA (MKBOKU)

4.2 JAWATANKUASA *QUALITY LIFE CARE* MAJLIS KEBANGSAAN BAGI ORANG KURANG UPAYA (MKBOKU)

4.2 JAWATANKUASA *QUALITY LIFE CARE* MAJLIS KEBANGSAAN BAGI ORANG KURANG UPAYA (MKBOKU)

4.2.1 Pelaksanaan Mesyuarat

Mesyuarat Jawatankuasa *Quality Life Care* Bagi Orang Kurang Upaya untuk tahun 2019 telah dilaksanakan sebanyak dua kali. Mesyuarat Bil.1/2019 telah dilaksanakan pada 23 April 2019 dan Bil. 2/2019 dilaksanakan pada 18 November 2019. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Dr. Chong Chee Keong, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam). Keanggotaan jawatankuasa terdiri daripada pelbagai agensi kerajaan, pakar perubatan pelbagai disiplin dan NGO berkaitan orang kurang upaya.



4.2.2 Pelaksanaan Aktiviti atau Program Sepanjang Tahun 2019

Program-program utama oleh Jawatankuasa *Quality Life Care* adalah seperti berikut:

- a. **Kursus bagi Penatar dalam Pengendalian *Autism Sepctrum Disorders in Children and Adolescents*, Menggunakan *Clinical Practice Guidelines (CPG)* Peringkat Kebangsaan**

Program ini telah dilaksanakan pada 23-25 April 2019 di Hotel Sri Petaling, Petaling Jaya.

Objektif Pelaksanaan Program adalah seperti berikut :

- Memberi latihan berdasarkan *CPG Autism Spectrum Disorder (ASD)* dalam meningkatkan pengetahuan dan kemahiran anggota kesihatan berkenaan ketidakupayaan serta pengendalian anak dengan ASD; dan
- Memberi pendedahan secara langsung berkenaan teknik pengendalian dan *evidence based strategy* untuk mendidik dan merawat kanak-kanak ASD di Malaysia.



Pembukaan kursus oleh Timbalan Pengarah Kesihatan Keluarga, Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga, KKM, Dr. Rokiah Mohd.



Lawatan sambil belajar ke Pusat PERMATA Kurnia, Kuala Lumpur pada hari ke-2 kursus, bagi memberi pendedahan kepada peserta mengenai teknik pengendalian kanak-kanak ASD secara *evidence based strategy*

b. Kursus Pengukuhan Perkhidmatan Perawatan Domisiliari (PPD) Di Kesihatan Primer

Program ini telah dilaksanakan pada 11-13 Jun 2019 di Hotel *Harbour View*, Kuching, Sarawak. Seramai 72 orang peserta menyertainya.

Objektif Pelaksanaan Program adalah seperti berikut :

- Memaklumkan polisi perkhidmatan PPD;
- Meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam pengendalian pesakit terlantar dan penyakit tidak berjangkit (NCD) menggunakan rujukan sedia ada; dan
- Memaklumkan proses penyediaan rekod dan retan serta memantau indikator perkhidmatan.



Para peserta bersama barisan panel bagi memberikan input untuk meningkatkan keberkesanan program PPD dan rehabilitasi di negeri Sarawak

c. Kursus Penjagaan Kesihatan Warga Emas Di Peringkat Penjagaan Kesihatan Primer

Program ini dijalankan di Hotel Putra, Kuala Lumpur pada 24-26 Jun 2019. Seramai 35 orang peserta yang terdiri daripada pegawai-pegawai yang menjalankan perkhidmatan perawatan domisiliari (PPD).

Objektif Pelaksanaan Program adalah seperti berikut :

- Memurnikan dan Memperkukuhkan Program Perkhidmatan Kesihatan Warga Emas di Peringkat Penjagaan Kesihatan Primer;
- Memahami Masalah Kesihatan Warga Emas;
- Memahami Impak Penuaan Penduduk; dan
- Meningkatkan Kemahiran Pengendalian Kes-Kes Warga Emas di Penjagaan Kesihatan Primer.




Sesi Praktikal: Aktiviti Harian (*Activity of Daily Living*) Oleh Pegawai Pemulihan Perubatan Carakerja (*Occupational Therapist*). Prinsip Asas – teknik pemakaian sebelah tangan *one handed dressing method*.

d. Kursus Kesihatan Seksual dan Keselamatan Diri Dalam Kalangan Kanak-kanak dan Remaja Berkeperluan Khas


Program ini dijalankan di Hotel Sani, Kuala Lumpur pada 21-23 Oktober 2019. Seramai 35 orang peserta yang merangkumi 3 orang Jururawat Kesihatan (Kader) dari JKM, 4 orang Pegawai Kaunselor dan 28 orang Jurupulih Perubatan Carakerja.

Objektif Pelaksanaan Program adalah seperti berikut :

- Meningkatkan pengetahuan berkaitan isu-isu seksualiti yang perlu diajar kepada kanak-kanak dan remaja berkeperluan khas seperti *Coping Life Skills, Body Parts, Emotions, Relationship, Touch, Sexual Abuse & Disclosure* dan sebagainya; dan
- Meningkatkan kemahiran dalam latihan kanak-kanak dan remaja berkeperluan khas (KKKK) serta penjaga berkenaan kesihatan seksual dan keselamatan diri.







4.0 LAPORAN AKTIVITI JAWATANKUASA MAJLIS KEBANGSAAN BAGI ORANG KURANG UPAYA (MKBOKU)

4.3 JAWATANKUASA PEKERJAAN MAJLIS KEBANGSAAN BAGI ORANG KURANG UPAYA (MKBOKU)

4.3 JAWATANKUASA PEKERJAAN MAJLIS KEBANGSAAN BAGI ORANG KURANG UPAYA (MKBOKU)

4.3.1 Objektif Jawatankuasa Pekerjaan:

- mempromosi Jawatankuasa Pekerjaan MKBOKU sebagai peneraju utama dalam menyediakan peluang pekerjaan dan latihan kemahiran.
- menyelaraskan program dan aktiviti penawaran peluang pekerjaan kepada OKU yang dilaksanakan oleh ahli-ahli di bawah Jawatankuasa Pekerjaan.
- memurnikan pelan tindakan ahli-ahli Jawatankuasa bagi pelaksanaan program/aktiviti dan peluang pekerjaan kepada OKU; dan
- meningkatkan penempatan OKU di Sektor Awam dan Swasta secara lebih komprehensif dan sistematik.


4.3.2 Strategi

Memperkasakan Golongan OKU di Malaysia sama ada dari aspek penempatan pekerjaan, peluang kursus atau latihan kemahiran serta peluang-peluang keusahawanan.

Bil.	Program/ Tindakan	Status Pelaksanaan
1.	Karnival Kerjaya dan Keusahawanan OKU Jabatan Tenaga Kerja (11 November 2019)	Tarikh: 14 November 2019 (Khamis) Tempat: Dewan Perdana, <i>Mini Urban Transformation Centre</i> (UTC), Bangunan Mini UTC Keramat, Kampung Datuk Keramat, 55100 Kuala Lumpur
2.	Sesi Penerangan JK Pekerjaan Di Universiti Sarawak Malaysia (UNIMAS) & Universiti Sabah Malaysia (UMS)	Tarikh: 11 Sept 2019 - 14 Sept 2019 Tempat : Universiti Sabah Malaysia dan Universiti Sarawak Malaysia
3.	Mesyuarat Jawatankuasa Pekerjaan, MKBOKU Bil1/2019.	Tarikh: 5 November 2019 (Selasa) Tempat: Hotel <i>Aloft</i> No. 5, Jalan Stesen Sentral, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
4.	Sesi Bual Bicara Bersama Persatuan OKU Dan NGO.	Tarikh: 5 November 2019 (Selasa) Tempat: Hotel <i>Aloft</i> No. 5, Jalan Stesen Sentral, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

5.	Mesyuarat Teknikal Jawatankuasa Teknikal Pekerjaan (3 kali)	<p>Tarikh: 4 April 2019, 12 Julai 2019 dan 5 November 2019.</p> <p>Tempat: Kompleks MAB, Jalan Tebing, Off, Jalan Tun Sambanthan 4, Brickfields, 50470 Kuala Lumpur, Federal Territory of Kuala Lumpur.</p>
6.	Penerbitan Buku JK Pekerjaan	Tarikh: November 2019





4.0 LAPORAN AKTIVITI JAWATANKUASA MAJLIS KEBANGSAAN BAGI ORANG KURANG UPAYA (MKBOKU)

4.4 JAWATANKUASA REKA BENTUK SEJAGAT DAN ALAM BINA MAJLIS KEBANGSAAN BAGI ORANG KURANG UPAYA (MKBOKU)

4.4 JAWATANKUASA REKA BENTUK SEJAGAT DAN ALAM BINA MAJLIS KEBANGSAAN BAGI ORANG KURANG UPAYA (MKBOKU)

4.4.1 Jawatankuasa Reka Bentuk Sejagat dan Alam Bina (JK RBSAB) telah melaksanakan mesyuarat bagi tahun 2019 iaitu:

- Mesyuarat Jawatankuasa Reka Bentuk Sejagat dan Alam Bina Bil. 1/2019 pada 21 Jun 2019;
- Mesyuarat Penubuhan Pasukan Audit Akses di Bawah Jawatankuasa Reka Bentuk Sejagat dan Alam Bina Bil. 1/2019 pada 17 September 2019; dan
- Mesyuarat Jawatankuasa Reka Bentuk Sejagat dan Alam Bina Bil. 2/2019 pada 17 Oktober 2019.

Mesyuarat Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Keanggotaan Jawatankuasa ini terdiri daripada pelbagai agensi kerajaan dan pakar berkaitan reka bentuk sejagat dan alam bina serta audit akses. Jawatankuasa ini juga turut dianggotai oleh Pertubuhan Bukan Kerajaan Orang Kurang Upaya yang berpengalaman dalam reka bentuk sejagat dan alam bina serta audit akses.

4.4.2 Aktiviti atau Program Utama Yang Telah Dilaksanakan Pada Tahun 2019

Pelaksanaan bengkel dan audit akses di dalam dan luar bangunan/premis yang menjadi tumpuan awam. Program ini bertujuan untuk mendedahkan dan memberi advokasi kepada pihak-pihak yang terlibat ke arah penerapan dan penguatkuasaan bangunan / premis / persekitaran yang akses OKU.

Secara keseluruhannya, daripada audit akses yang dilaksanakan didapati walaupun terdapat kemudahan-kemudahan mesra OKU yang telah disediakan, masih terdapat ruang untuk penambahbaikan ke arah memaksimumkan aksesibiliti OKU.

Antara program yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

a. **Program Santuni Rakyat Bersama Timbalan Perdana Menteri Peringkat Negeri Pahang Tahun 2019**

Objektif:

- Menyebar luas perkhidmatan, peranan, fungsi dan inisiatif yang sedang dilaksanakan oleh KPWK dan agensi di bawahnya dalam memenuhi keperluan dan ekspektasi kumpulan sasar;
- Memberi kesedaran kepada masyarakat khususnya kepada para profesional dalam industri binaan, pegawai pembangunan di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), agensi-agensi kerajaan berkenaan kemudahan mesra OKU yang dapat diterapkan dan diaplikasikan dalam semua projek pembangunan; dan
- Menunjukkan kepada masyarakat bahawa Kerajaan memandang tinggi usaha OKU dan majikan yang prihatin terhadap golongan OKU.

Kolaborasi Strategik:

- Kerjasama antara Majlis Kebangsaan bagi Orang Kurang Upaya dengan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

Tarikh pelaksanaan:

- 28, 29 & 30 Mac 2019 (Audit Akses); dan
- 13 April 2019 (Mini Job Fair).

Tempat Audit Akses:

- Bangunan Majlis Perbandaran Kuantan;
- Serambi Teruntum, Tanjung Lumpur, Kuantan;
- Terminal Sentral Kuantan, Indera Mahkota;
- Pahang Medical Centre, Kuantan; dan
- Wadi Budi (One Stop Student Centre), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.



Gambar Audit Akses kepada Bangunan Awam, Komersial & Terminal Pengangkutan Awam di Bandar Kuantan 2019

b. b. Audit Akses di Bangunan Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur

Objektif:

- Mengenal pasti keadaan dan kualiti kemudahan OKU dan aksesibiliti pada tahap yang memuaskan dan diselenggara dengan baik:
- Meningkatkan penyediaan akses kepada persekitaran fizikal di bangunan Parlimen berkonsepkan reka bentuk sejagat (universal design); dan
- Memastikan bangunan parlimen menyediakan kemudahan penunjuk arah dan simbol yang jelas dilihat dan dilengkapi dengan *braille* serta format yang mudah dibaca dan difahami oleh Orang Kurang Upaya (OKU).

Tarikh pelaksanaan:

- 19 dan 20 Ogos 2019

Tempat Audit Akses:

- Bangunan Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur

Tempat Bengkel:

- Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Gombak



Gambar Audit Akses di Bangunan Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur

c. Audit Akses Institusi Jabatan Kebajikan Masyarakat:

Objektif:

- Meningkatkan mobiliti kualiti hidup dan kesejahteraan penghuni Institusi Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM);
- Membuat semakan kemudahan penunjuk arah (wayfinding) dan simbol yang disediakan bagi memastikan format mudah dibaca dan difahami oleh OKU; dan
- Menyediakan laporan audit akses dan cadangan menambah baik infrastruktur Institusi JKJ terhadap persekitaran fizikal bagi kemudahan dalam dan luar bangunan / ruang awam yang mesra OKU dan berkonsepkan reka bentuk sejagat (universal design).

Kolaborasi Strategik:

- Kerjasama antara Majlis Kebangsaan bagi Orang Kurang Upaya dengan Universiti Malaya (UM).

Tarikh pelaksanaan:

- 4, 7 dan 8 November 2019

Tempat Audit:

5 Premis/ruang awam yang dikenalpasti:

- Rumah Ehsan Kuala Kubu Bharu pada 4 November 2020;
- Taman Sinar Harapan Kuala Kubu Bharu pada 4 November 2020;
- Rumah Seri Kenangan Cheras pada 7 November 2020;
- Rumah Kanak-kanak Tengku Budriah Cheras pada 7 November 2020; dan
- Kompleks Penyayang Bakti Sungai Buloh pada 8 November 2020.



Gambar Audit Akses Institusi Jabatan Kebajikan Masyarakat

d. Bengkel *Training of Trainers (TOT)* dan Audit Akses Dalam Persekitaran Alam Bina di Universiti Teknologi Petronas.

Objektif:

- Bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan kefahaman pegawai teknikal Pihak Berkuasa Tempatan terutama Arkitek, Penolong Arkitek, Jurutera, Penolong Jurutera dan Juruteknik yang ditugaskan untuk menyemak pelan bangunan dan penguatkuasaan;
- Memberi pendedahan yang membina serta positif agar para pegawai dan profesional terutama dalam bidang binaan lebih peka tentang reka bentuk kemudahan OKU dan dapat diterapkan serta diaplikasikan dalam semua projek pembangunan baru dan retrofit bangunan lama;
- Untuk memperkenalkan para peserta tentang aplikasi konsep bebas halangan dan rekaan sejagat serta kesedaran kepada para peserta tentang masalah dan cabaran yang dihadapi oleh OKU jika akses yang sempurna tidak disediakan dan memahami lukisan pelan aksesibiliti; dan
- Untuk menghasilkan reka bentuk sejagat dan aksesibiliti penarafan bintang (Universal Design & Accessibility Star Rating) untuk 5 bangunan kajian kes di Universiti Teknologi Petronas.

Kolaborasi Strategik:

- Kerjasama antara Majlis Kebangsaan bagi Orang Kurang Upaya dengan Universiti Teknologi Petronas.

Tarikh pelaksanaan:

- 3 dan 4 Disember 2019

Tempat Bengkel:

- Seminar Room, Undercroft, Kompleks Chansellor

Tempat Audit:

5 Premis/ruang awam yang dikenalpasti:

- Dewan Utama (digunakan untuk konvo);
- Bangunan Dewan Kuliah;
- Bangunan Bilik Tutorial;
- Residence Village – dalam kampus; dan
- Residence Village – luar kampus.



Gambar Bengkel *Training of Trainer* (TOT) dan Audit Akses Dalam Persekitaran Alam Bina di Universiti Teknologi Petronas (UTP)

e. Bengkel TOT dan Audit Akses Dalam Persekitaran Alam Bina di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Objektif:

- Bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan kefahaman pegawai teknikal Pihak Berkuasa Tempatan terutama Arkitek, Penolong Arkitek, Jurutera, Penolong Jurutera dan Juruteknik yang ditugaskan untuk menyemak pelan bangunan dan penguatkuasaan;
- Memberi pendedahan yang membina serta positif agar para pegawai dan profesional terutama dalam bidang binaan lebih peka tentang reka bentuk kemudahan OKU dan dapat diterapkan serta diaplikasikan dalam semua projek pembangunan baru dan retrofit bangunan lama;
- Untuk memperkenalkan para peserta tentang aplikasi konsep bebas halangan dan rekaan sejagat serta kesedaran kepada para peserta tentang masalah dan cabaran yang dihadapi oleh OKU jika akses yang sempurna tidak disediakan dan memahami lukisan pelan aksesibiliti; dan
- Untuk menghasilkan reka bentuk sejagat dan aksesibiliti penarafan bintang (Universal Design & Accessibility Star Rating) untuk 5 bangunan kajian kes di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Kolaborasi Strategik:

- Kerjasama antara Majlis Kebangsaan bagi Orang Kurang Upaya dengan Pertubuhan Arkitek Malaysia.

Tarikh pelaksanaan:

- 9 dan 10 Disember 2019

Tempat Bengkel:

- PAM Centre, Bangsar, Kuala Lumpur

Tempat Audit:

Premis/ruang awam yang dikenalpasti:

- Sekolah Rendah Agama Abdullah Ibnu Abbas;
- Plaza dan Tempat Letak Kereta Bertingkat Hospital Kuala Lumpur;
- Taman Tasik Titiwangsa;
- Bangunan Pejabat Kerajaan (*International Institute of Islamic Thought and Civilisation*, (ISTAC IIUM); dan
- Bangunan Pertubuhan Arkitek Malaysia.



Gambar Bengkel *Training of Trainer* (TOT) Dan Audit Akses Dalam Persekitaran Alam Bina di Kuala Lumpur Tahun 2019

f. **Bengkel TOT dan Audit Akses Dalam Persekitaran Alam Bina di Negeri Pulau Pinang.**

Objektif pelaksanaan program adalah seperti berikut :

- Menyediakan platform perkongsian Pelan Pembangunan Pendidikan Inklusif Bagi Orang Kurang Upaya (PPPIOKU) 2020-2025 kepada Kementerian, Bahagian KPM, agensi kerajaan dan swasta serta badan bukan kerajaan (NGO); dan
- Memberi pendedahan dan pengetahuan kepada para peserta mengenai konsep umum berkaitan ketidakupayaan dan cara-cara menyantuni Orang Kurang Upaya melalui *Disability Equality Training* (DET) dan *Disability Related Service Training* (DRST);
- Memberi kefahaman kepada peserta tentang aplikasi konsep bebas halangan (*barrier-free*) dan reka bentuk sejagat (*universal design*) persekitaran alam bina serta melaksanakan audit akses mengikut standard MS 1184;
- Melatih pegawai teknikal, pelajar, pensyarah, pentadbir dan lain-lain berkaitan terutamanya dalam bidang binaan agar dapat memahami lukisan plan aksesibiliti dan lebih peka terhadap reka bentuk kemudahan OKU serta diaplikasikan dalam semua projek pembangunan baru dan juga retrofit bangunan lama; dan
- Untuk menghasilkan reka bentuk sejagat dan aksesibiliti OKU bagi penarafan bintang ke atas bangunan atau premis yang diaudit.

Kolaborasi Strategik:

- Kerjasama antara Majlis Kebangsaan bagi Orang Kurang Upaya dengan Universiti Teknologi Mara (UiTM).

Tarikh pelaksanaan:

- 11 dan 12 Disember 2019

Tempat Bengkel:

- UiTM Cawangan Pulau Pinang


Tempat Audit:

5 Premis/ruang awam yang dikenalpasti:

- Masjid Daerah Seberang Perai Tengah;
- Pusat Islam, UiTM CPP;
- Kompleks Perdana, UiTM CPP;
- Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM CPP; dan
- Dewan Besar, UiTM CPP



Gambar Bengkel *Training of Trainer (TOT)* Dan Audit Akses Dalam Persekitaran Alam Bina Pulau Pinang Tahun 2019



4.0 LAPORAN AKTIVITI JAWATANKUASA MAJLIS KEBANGSAAN BAGI ORANG KURANG UPAYA (MKBOKU)

4.5 JAWATANKUASA PENDIDIKAN MAJLIS KEBANGSAAN BAGI ORANG KURANG UPAYA (MKBOKU)

4.5 JAWATANKUASA PENDIDIKAN MAJLIS KEBANGSAAN BAGI ORANG KURANG UPAYA (MKBOKU)

4.5.1 Mesyuarat

Mesyuarat Jawatankuasa Pendidikan Bagi Orang Kurang Upaya Bil.1/2019

Mesyuarat Jawatankuasa Pendidikan telah diadakan sebanyak dua (2) kali iaitu pada 19 Mac 2019 (Bil. 1/2019) dan 22 Ogos 2019 (Bil. 2/2019) yang bertempat di Bilik Mesyuarat Utama, Kementerian Pendidikan Malaysia. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Pelajaran, Kementerian Pelajaran Malaysia.



Mesyuarat Jawatankuasa Pendidikan Di Bawah Majlis Kebangsaan
Bagi Orang Kurang Upaya (MKBOKU)

4.5.2 Pelaksanaan Aktiviti atau Program Sepanjang Tahun 2019

a. Mesyuarat Permuafakatan Pendidikan Khas KPM-NGO

Mesyuarat ini telah dilaksanakan seperti tarikh berikut:

- Bil. 1/2019 pada 22 Februari 2019; dan
- Bil. 2/2019 pada 24 Jun 2019.

Mesyuarat ini diadakan di Bahagian Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan Malaysia, Putrajaya dan dipengerusikan oleh Pengarah Bahagian Pendidikan Khas.

Objektif:

- Mengukuhkan kerjasama strategik dengan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang berkepentingan terhadap keperluan pendidikan murid berkeperluan khas (MBK);
- Menyediakan ruang perkongsian pengalaman, pengetahuan dan amalan terbaik antara pelbagai organisasi dengan KPM; dan
- Membincangkan hal ehwal pendidikan khas yang boleh ditangani secara bersama-sama.



Mesyuarat Permuafakatan Pendidikan Khas KPM-NGO

b. Bengkel Penyelarasan Data dan Maklumat MBK Inter- Agensi 2019

Program ini diadakan di *Malaysia Global Innovation & Creativity Centre* (MaGIC), Cyberjaya pada 29 - 30 April 2019. Objektif pelaksanaan program adalah untuk menyelaraskan data dan maklumat murid berkeperluan khas yang melibatkan pelbagai agensi bersama-sama agensi kerajaan berkaitan.

c. Bengkel Kerja Penyelarasan Status Dan Data Pencapaian Teras 3 Pelan Tindakan Orang Kurang Upaya (PTOKU) 2016 – 2022 Bil. 1/2019

Program ini diadakan di *Malaysia Global Innovation & Creativity Centre* (MaGIC), Cyberjaya dan dilaksanakan pada 16–17 Julai 2019. Objektif pelaksanaan program adalah untuk menyelaraskan status pencapaian inisiatif/program di bawah Pelan Tindakan Orang Kurang Upaya (PTOKU) 2016-2022 bersama-sama agensi peneraju inisiatif bagi dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pendidikan di Bawah Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya (MKBOKU).

d. Bengkel Penggunaan Alat Paparan Elektronik *Braille Me* Bagi Pendidikan Khas Ketidakupayaan Penglihatan

Program ini dilaksanakan pada 22 – 24 Oktober 2019 yang bertempat di Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri Selangor, Seksyen 19, Shah Alam, Selangor. Objektif pelaksanaan program adalah untuk memberi pengetahuan dan pendedahan kepada guru-guru berkaitan kaedah penggunaan *Braille Me* iaitu alat paparan *Braille* Elektronik untuk MBK ketidakupayaan penglihatan sebagai alternatif kepada penggunaan Mesin *Perkin's Brailleur* yang kini sedang digunakan di sekolah. Peserta program tersebut di kalangan guru-guru Pendidikan Khas yang mengajar MBK kurang upaya penglihatan



Bengkel Penggunaan Alat Paparan Elektronik *Braille Me* Bagi Pendidikan Khas Ketidakupayaan Penglihatan

e. Sesi Libat Urus Pelan Pembangunan Pendidikan Inklusif Bagi Orang Kurang Upaya (PPPIOKU) 2020-2025


Program ini dilaksanakan pada 12 November 2019 yang bertempat di Auditorium Perdana, Institut Aminuddin Baki, Kompleks Pendidikan Nilai, Negeri Sembilan.

Objektif pelaksanaan program adalah seperti berikut :

- Menyediakan platform perkongsian Pelan Pembangunan Pendidikan Inklusif Bagi Orang Kurang Upaya (PPPIOKU) 2020-2025 kepada Kementerian, Bahagian KPM, agensi kerajaan dan swasta serta badan bukan kerajaan (NGO); dan
- Mendapatkan maklum balas daripada pelbagai pihak bagi melaksanakan penambahbaikan terhadap PPPIOKU 2020-2025.



Sesi Libat Urus Pelan Pembangunan Pendidikan Inklusif Bagi Orang Kurang Upaya (PPPIOKU) 2020-2025



4.0 LAPORAN AKTIVITI JAWATANKUASA MAJLIS KEBANGSAAN BAGI ORANG KURANG UPAYA (MKBOKU)

4.6 JAWATANKUASA PENDAFTARAN ORANG KURANG UPAYA MAJLIS KEBANGSAAN BAGI ORANG KURANG UPAYA (MKBOKU)

4.6 JAWATANKUASA PENDAFTARAN ORANG KURANG UPAYA MAJLIS KEBANGSAAN BAGI ORANG KURANG UPAYA (MKBOKU)

4.6.1 Mesyuarat

Mesyuarat Jawatankuasa Pendaftaran OKU telah diadakan pada 15 Oktober 2019 yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat, Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Mesyuarat ini diadakan untuk membincangkan isu-isu berkaitan pendaftaran OKU dan isu ketidakupayaan.

BIL.	NEGERI	PENDENGARAN	PENGLIHATAN	PERTUTURAN	FIZIKAL	PEMBELAJARAN	MENTAL	PELBAGAI	JUMLAH
1.	JOHOR	4,302	5,130	341	23,792	22,002	6,132	3,088	64,792
2.	KEDAH	3,252	5,055	306	18,377	14,270	3,916	2,269	47,445
3.	KELANTAN	2,465	3,514	249	11,846	14,846	4,331	1,968	39,219
4.	MELAKA	2,221	1,872	118	9,905	8,606	1,967	795	25,484
5.	NEGERI SEMBILAN	1,797	1,880	88	2,376	2,365	790	274	6,979
6.	PAHANG	1,975	2,900	196	11,811	11,851	2,002	1,582	32,317
7.	PERAK	3,244	4,176	179	17,085	15,993	4,834	2,304	47,815
8.	PERLIS	365	741	68	2,376	2,365	790	274	6,979
9.	PULAU PINANG	3,244	2,513	3,252	115	13,302	9,539	2,029	1,212
10.	SABAH	2,662	3,085	301	9,733	14,837	2,662	2,087	35,367
11.	SARAWAK	2,553	4,239	224	10,389	13,248	4,257	1,522	36,432
12.	SELANGOR	5,992	6,567	353	34,943	29,974	5,755	4,603	88,187
13.	TERENGGANU	2,255	2,427	130	8,209	11,165	1,934	1,267	27,287
14.	W.P. KUALA LUMPUR	2,999	3,672	119	15,236	12,139	2,672	1,275	38,112
15.	W.P. LABUAN	80	133	25	448	862	87	77	1,712
JUMLAH		38,675	48,643	2,812	197,412	186,696	45,399	25,549	548,186

Statistik Pendaftaran OKU Mengikut Negeri Sehingga 31 Disember 2019

4.6.2Aktiviti/Program Yang Telah Dilaksanakan Pada Tahun 2019

a. Bengkel Pemurnian Garis Panduan Pendaftaran OKU Siri 1 dan Siri 2 Bagi Tahun 2019

Bengkel ini telah diadakan sebanyak dua (2) siri iaitu pada:

- Siri 1 - 27-28 Februari 2019 bertempat di Bilik Seminar, Aras 21, KPWK; dan
- Siri 2 - 27 Jun 2019 bertempat di Auditorium Aras 7, KPWK.

Tujuan bengkel ini adalah untuk membincangkan penambahbaikan garis panduan pendaftaran OKU, BPPOKU dan Borang Padanan Pekerjaan untuk dijadikan sebagai rujukan berkenaan pendaftaran OKU di JKM.



Bengkel Siri 1 – Pemurnian Garis Panduan Pendaftaran OKU



Bengkel Siri 2 – Pemurnian Garis Panduan Pendaftaran OKU



b. Program Santuni OKU Sempena Kempen Pendaftaran OKU 2019

Program telah dirasmikan oleh YB Puan Hannah Yeoh, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Objektif program adalah untuk meningkatkan kesedaran OKU dan masyarakat akan kepentingan mendaftar dan meningkatkan kesedaran masyarakat setempat bahawa golongan OKU memerlukan sokongan daripada komuniti untuk meneruskan kelangsungan hidup dalam masyarakat.

Telah diadakan di tiga (3) buah tempat seperti berikut:

- Sekolah Semangat Maju, Ipoh, Perak
- Tarikh : 29 Jun 2019

Tujuan bengkel ini adalah untuk membincangkan penambahbaikan garis panduan pendaftaran OKU, BPPOKU dan Borang Padanan Pekerjaan untuk dijadikan sebagai rujukan berkenaan pendaftaran OKU di JKM.



Penyerahan Kad OKU Kategori Pembelajaran kepada kanak-kanak TASKA Semangat Maju, Ipoh



Penyerahan Sijil Taman Kursus Intervensi Awal Kanak-Kanak OKU

- *Agape Centre, Sibu, Sarawak*
- Tarikh : 12 Julai 2019



Penyerahan Kad OKU Kategori Pembelajaran kepada kanak-kanak TASKA Autisme, Sibul



Lawatan di TASKA Autisme, Sibul

- Rumah Amal Kulim, Kedah
- Tarikh : 29 Ogos 2019

c. Program Pendampingan Sosial Sempena Kempen Pendaftaran OKU Tahun 2019

Objektif Program adalah untuk meningkatkan kesedaran OKU dan masyarakat akan kepentingan mendaftar, dan meningkatkan kesedaran masyarakat setempat bahawa golongan OKU memerlukan sokongan daripada komuniti untuk meneruskan kelangsungan hidup dalam masyarakat.

Telah diadakan di empat (4) buah Zon seperti berikut:



- Zon Tengah
- Sungai Besar, Selangor
- Tarikh : 24 Julai 2019



- Zon Selatan
- Endau, Mersing, Johor
- Tarikh : 27 Ogos 2019



- Zon Timur
- Kemaman, Terengganu
- Tarikh : 23 September 2019



Pencapaian Pendaftaran OKU Baharu Sempena Program Pendampingan Sosial Kempen Pendaftaran OKU Mengikut Zon 2019

BIL.	ZON (NEGERI)	BILANGAN OKU DIDAFTARKAN	BILANGAN PERMOHONAN BANTUAN JKM DIPERTIMBANGKAN
1.	ZON TENGAH (SELANGOR)	20 orang	5 orang
2.	ZON UTARA (PERAK)	21 orang	5 orang
3.	ZON SELATAN (JOHOR)	20 orang	25 orang
4.	ZON TIMUR (KEMAMAN)	30 orang	-
5.	ZON SABAH	39 orang	70 orang
6.	ZON SARAWAK	40 orang	15 orang

d. Seminar Kemandirian NGO / Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK) OKU

- Tarikh : 16 Julai 2019
- Tempat : Majlis Kebajikan dan Pembangunan Masyarakat Kebangsaan Malaysia (MAKPEM).



e. **Sesi Pembentangan Laporan Penemuan dan Cadangan Pelaksanaan Projek Penambahbaikan SMOKU Tahun 2019/2020.**

- Tarikh : 2 Julai 2019
- Tempat : Ibu Pejabat, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)



f. **Sesi Spesifikasi Keperluan Pengguna / *User Requirement Specification* (URS) Sistem Maklumat Orang Kurang Upaya (SMOKU).**

- Tarikh : 18 Jun 2019
- Tempat : Ibu Pejabat, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)



g. **Sesi Spesifikasi Keperluan Pengguna / *User Requirement Specification* (URS) Sistem Maklumat Orang Kurang Upaya (SMOKU).**

Objektif Dialog adalah untuk mengetahui permasalahan yang dihadapi oleh OKU serta mendapatkan input berkaitan perancangan dan mengetahui cadangan program pembangunan OKU untuk Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12).

Antara yang dibincangkan ialah mengenai isu:

- aksesibiliti,
- penguatkuasaan tegas terhadap penyalahgunaan parkir OKU;
- peluang pendidikan kanak-kanak OKU;
- peluang pekerjaan kepada OKU;
- pindaan kepada Akta OKU 2008;
- peluang bersukan kepada OKU di sekolah;
- Perumahan; dan
- insurans.



h. Seminar Garis Panduan Pendaftaran OKU Pindaan 2/2019

Seminar ini telah diadakan pada 2-3 Oktober 2019 bertempat di Kompleks Agro Tourism, Sepang dengan bilangan peserta seramai 60 orang daripada JKMN dan PKMD seluruh Malaysia.

Objektif utama seminar adalah untuk memberi pendedahan berkenaan Garis Panduan Pendaftaran OKU Pindaan 2/2019, mendapat penerangan yang jelas berkenaan kategori dan sub kategori OKU daripada Pakar Perubatan mengikut kategori dan memberi panduan dalam berkenaan penggunaan Borang Permohonan Pendaftaran OKU Pindaan 2/2019 dan Borang Padanan Pekerjaan.



The background is a watercolor-style illustration. It features silhouettes of two people: one person in a wheelchair and another person pushing it from behind. The colors are soft and blended, including shades of purple, blue, green, and yellow. The overall mood is supportive and focused.

5.0 SEKRETARIAT MAJLIS KEBANGSAAN BAGI ORANG KURANG UPAYA

5.0 SEKRETARIAT MAJLIS KEBANGSAAN BAGI ORANG KURANG UPAYA (MKBOKU)



YBhg. Dato' Maria Bernard Sinsoi
Pengarah
Jabatan Pembangunan
Orang Kurang Upaya (JPOKU)



Puan Norasnida binti Nordin
Ketua Penolong Pengarah
Jabatan Pembangunan
Orang Kurang Upaya (JPOKU)



Puan Sharifah Hafizah binti Saad Hassan
Penolong Pengarah Kanan
Jabatan Pembangunan
Orang Kurang Upaya (JPOKU)



Puan Noryanti binti Mahbub
Penolong Pengarah Kanan
Jabatan Pembangunan
Orang Kurang Upaya (JPOKU)



Puan Merryharyaty binti Mohd Nasir
Pembantu Tadbir
Jabatan Pembangunan
Orang Kurang Upaya (JPOKU)



Puan Zuriana binti Isa
Pembantu Operasi
Jabatan Pembangunan
Orang Kurang Upaya (JPOKU)

Jabatan
KEBAJIKAN
Masyarakat



JABATAN KEBAJIKAN MALAYSIA
Aras 6, 9-18, No 55,
Persiaran Perdana, Presint 4,
62100 Putrajaya

 +603 8323 1656
+603 8323 1658

 +603 8323 2094

 facebook.com/pages/JKMHQ

 twitter@JKMHQ

 instagram@jkmhq

 www.jkm.gov.my